

Syi'ah Mendakwa Taqiyyah Merupakan Amalan Yang Terpenting Dalam Agama



١٢ - عنه، عن أحمد بن محمد، عن معمر بن خلاد قال: سألت أبا الحسن عليه السلام عن القيام للملأة، فقال: قال أبو جعفر عليه السلام: التقية من ديني ودين آبائي ولا إيمان لمن لا تقية له.

Terjemahan: Daripada Ma'imar bin Khallad katanya, saya bertanya Abu al-Hasan a.s. tentang menghormati (mentaati) pemimpin. Beliau menjawab: Abu Ja'far a.s. berkata: "Taqiyyah adalah agamaku dan agama datuk nenekku. Tiada iman bagi orang yang tidak bertaqiyah." (*Rujukan: Muhammad bin Ya'kob al-Kulaini al-Usul min al-Kafi jil. 2 hal. 219, 200*)

Kesimpulan: Syi'ah mengatakan amalan paling utama untuk menghampirkan diri kepada Allah ialah taqiyyah iaitu berbohong dan bersikap hipokrit

Syiah Menganggap Ahlus Sunnah Adalah Kafir Dan Najis

وَأَمَّا النَّاصِبِيُّ وَأَحْوَالُهُ وَأَحْكَامُهُ فَهُوَ مَقَاتِمٌ بَيَانُ أَمْرَيْنِ: الْأَوَّلُ فِي بَيَانِ مَعْنَى النَّاصِبِ الَّذِي وَرَدَ فِي الْأَخْبَارِ أَنَّهُ نَجَسٌ وَأَنَّهُ شَرٌّ مِنَ الْيَهُودِيِّ وَالنَّصْرَانِيِّ وَالْمَجُوسِيِّ وَأَنَّهُ كَافِرٌ نَجَسٌ بِإِجْمَاعِ عُلَمَاءِ الْإِسْلَامِيَّةِ رِضْوَانُ اللَّهِ عَلَيْهِمْ؛ فَالَّذِي ذَهَبَ إِلَيْهِ أَكْثَرُ الْأَصْحَابِ هُوَ أَنَّ الْمُرَادَ بِهِ مَنْ نَسَبَ الْعِدَاوَةَ لِلَّهِ بِسَبِّهِ وَاللَّهُ تَعَالَى وَتَظَاهَرِ بَعْضُهُمْ كَمَا هُوَ الْمَوْجُودُ فِي الْخَوَارِجِ وَبَعْضُ مَا وَرَاءَ النَّهْرِ؛ وَرَتَّبُوا الْأَحْكَامَ فِي بَابِ الطَّهَارَةِ وَالنَّبْعَةِ وَالْكَفْرِ وَالْإِيمَانِ وَجَوَازِ التَّكَاثُرِ وَعَدَمِهِ عَلَى النَّاصِبِيِّ بِهَذَا الْمَعْنَى

[illegible]

Terjemahan: Adapun Nasibi*, keadaannya dan hukum tentangnya maka telah diterangkan tentangnya yaitu dua perkara. Pertama, dalam menerangkan makna Nasibi yang disebutkan di dalam riwayat-riwayat bahawa mereka adalah najis dan lebih buruk daripada Yahudi, Nasrani dan Majusi. Mereka juga adalah kafir serta najis dengan kesepakatan ulama Imamiyyah (keredhaan Allah untuk mereka). Pendapat yang dipegang oleh kebanyakan ashah (ulama Syi'ah) ialah mereka adalah orang yang menyatakan permusuhan terhadap Ahlul Bait Muhammad s.a.w.] dan sentiasa melahirkan kebencian terhadap mereka (Ahlul Bait) sebagaimana yang terdapat di kalangan Khawarij dan sebahagian mereka yang tinggal di Waraa an-Nahr]. Dan mereka (ulama Syi'ah) menyusun hukum-hukum dalam bab bersuci, najis, kufur, iman, harus berkahwin dan tidak harus ke atas Nasibi berdasarkan makna di atas. (*Rujukan: Sayyid Ni'mat Allah al-Musawi al-Jazairi al-Anwar an-Nu'maniyyah jil. 2 hal. 306*)

Kesimpulan: Syi'ah berit'iqad bahawa Ahlus Sunnah adalah kafir, najis dan lebih teruk daripada Yahudi, Nasrani dan Majusi.

**Nasibi ialah gelaran kepada Ahlus Sunnah yang digunakan oleh Syi'ah. Inilah sebabnya mengapa penganut Syi'ah pada hari ini tidak sedikitpun merasa belas kasihan apabila membunuh rakyat Syria dari golongan Ahlus Sunnah.*

Syi'ah Berfatwa Harus Menyetubuhi Isteri Pada Dubur

٨ - محمد بن يحيى ، عن أحمد بن محمد ، عن البرقي رفعه ، عن أبي عبد الله عليه السلام قال :
 إذا أتى الرجل المرأة في دبرها فلم ينزل فلا غسل عليهما و إن أنزل فعليه الغسل ولا
 غسل عليها (٢).

Terjemahan: Daripada al-Barqiyy, beliau *memarf'u* kannya daripada Abi Abdillah a.s. katanya: "Bila seseorang menyetusuhi isterinya pada duburnya lalu dia tidak sempat keluar air mani maka kedua-duanya tidak wajib mandi. Jikalau dia keluar air mani maka wajib mandi keatasnya dan isterinya tidak wajib mandi." (Rujukan: *Muhammad bin Ya'kob al-Kulaini, al-Furu' min al-Kafi* jil. 3 hal. 47)

Kesimpulan: Syi'ah mengharuskan seseorang itu menyetubuhi isterinya pada dubur.


SYIAH YANG SESAT DAN MENYESATKAN

RISALAH PEMURNIAN AQIDAH


(SISIPAN) EDISI 1 / 2014




BUKTI KESESATAN SYIAH DARI KITAB-KITAB MEREKA



Usul Kafi




Misbah Al-Hidayah Ila Al-Khilafah Wa Al-Wilayah




Al-Istibsh

Syeikh at-Thaaifah



Minhaj As-Shalihin



Mukhtaaraat Min Ahaadith

Wa Khitaabaa



Al-Anwar An-Nu'maniyyah

Sayyid Ni'mat Allah Al-Musawi

Kesesatan Syiah terbukti dari kitab-kitab mereka. Di antara kesesatan dan kebejatan ajaran Syiah ialah menuduh sebahagian besar Sahabat Nabi s.a.w. murtad dan kafir, yakin imam-imam mereka sama taraf malah lebih tinggi dari nabi, rukun Islam paling utama ialah mempercayai imam dan bukannya dua kalimah syahadah, Nabi s.a.w. gagal dalam misi daawah baginda, al-Quran yang ada sekarang tidak asli, mengamalkan nikah mut'ah (perzinaan), taqiyyah (berbohong) adalah sebahagian dari agama, menganggap Ahlu Sunnah sebagai najis dan kafir, membenarkan liwat dan sebagainya.

Syi'ah Dakwa Sahabat Telah Murtad Selepas Nabi S.A.W. Wafat

٣٤١ - حنان ، عن أبيه ، عن أبي جعفر عليه السلام قال : كان الناس أهل ردة بعد النبي صلى الله عليه وآله إلا ثلاثة فقلت : ومن الثلاثة ؟ فقال : المقداد بن الأسود و أبوذر الغفاري و سلمان الفارسي رحمة الله و بركاته عليهم ثم عرف أناس بعد يسير و قال : هؤلاء الذين

Terjemahan: Hannan daripada ayahnya daripada Abu Jaafar a.s. katanya: “Manusia (para sahabat) telah menjadi murtad sepeninggalan Rasulullah s.a.w kecuali tiga orang dari mereka.” Aku (perawi) bertanya: “Siapaakah yang tiga itu?” Abu Jaafar menjawab: “Al-Miqdad bin al-Aswad, Abu Zar al-Ghifari dan Salman al-Farisi.” (*Rujukan: Muhammad bin Ya’qob al-Kulaini, ar-Raudhah min al-Kafi jil. 8 hal. 245*)

Kesimpulan: Syi'ah bertikad bahawa semua sahabat Nabi s.a.w. kecuali 3 orang telah pun murtad sepeninggalan baginda. Oleh itu agama Islam tidak boleh diyakini kerana selepas kewafatan Nabi s.a.w. hanya tinggal beberapa orang sahaja yang tetap beriman (di samping itu Syiah ingin menyatakan juga bahawa Nabi s.a.w. gagal dalam mendidik mereka).

Syi'ah Anggap Ahlus Sunnah Lebih Hina Dari Yahudi, Nasrani Dan Musyrik

٢ — وبهذا الاسناد عن محمد بن يعقوب عن احمد بن ادريس عن محمد بن احمد بن يحيى عن ايوب بن نوح عن الوشاح عن ذكره عن ابي عبد الله عليه السلام انه ذكره سور ولد الزنا واليهودي والنصراني والمشرِك وكل من خالف الاسلام وكان اشد ذلك عنده سور الناصب.

Terjemahan: Dengan sanad ini daripada Muhammad bin Ya'kub daripada Ahmad bin Idris daripada Muhammad bin Ahmad bin Yahya daripada Ayyub bin Nuh daripada al-Wasya daripada orang yang menyebutkannya daripada Abi 'Abdillah (Ja'far as-Sadiq) a.s. bahawa beliau tidak suka sisa jilatan anak zina, Yahudi, Nasrani, Musyrik dan setiap orang yang menyalahi Islam. Lebih dibenci ialah sisa jilatan Nasibi**.

(Rujukan: Syeikh at-Tha'ifah Abi Ja'far at-Thusi Al-Istibshar jil. 1 hal. 223)

Kesimpulan: Syi'ah membenci Ahlus Sunnah lebih daripada Yahudi, Nasrani dan Musyrik sehinggakan kesan atau bekas yang ditinggalkan oleh Ahlus Sunnah lebih hina daripada kesan atau bekas yang ditinggalkan oleh Yahudi, Nasrani dan Musyrik.

****Nota:** Nasibi ialah gelaran kepada Ahlus Sunnah yang digunakan oleh Syi'ah. Ini dibuktikan sendiri oleh al-Kulaini ketika beliau meriwayatkan bahawa Imam Ja'far as-Sadiq menggelarkan Nasibi kepada Imam Abu Hanifah yang merupakan salah seorang imam Ahlus Sunnah (*Rujuk ar-Raudhah min al-Kafi jil. 8 hal. 2*)

Diterbitkan Oleh Pertubuhan Jaringan Ummah Kelantan (**JARUM**)

SEBARKAN RISALAH INI JIKA ANDA PRIHATIN TERHADAP ANCAMAN YANG MELANDA AKIDAH UMAT ISLAM
(Softcopy untuk risalah ini boleh *didownload* dari www.darul kautsar.net)